



SIARAN MEDIA

PELANCARAN OSC ONLINE

KUALA LUMPUR, 02 Februari 2010, OSC Online merupakan suatu platform ePenyerahan dan ePemprosesan sepenuhnya menggunakan elektronik. Melalui sistem OSC, proses permohonan cadangan pemajuan yang melibatkan urusan tanah, kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan kejuruteraan dan lain-lain pelan yang berjumlah 32 kesemuanya telah dipermudahkan dan boleh mendapat kelulusan dalam jangka masa yang wajar. Ini merupakan penambahbaikan yang amat ketara daripada sistem lama yang memakan masa yang lebih panjang, iaitu antara 1 hingga 2 tahun serta melibatkan proses pengemukaan pelan kepada setiap Jabatan Teknikal Luaran secara berasingan. Tempoh kelulusan keseluruhan melalui OSC adalah di antara 120 hari atau kurang, kata Dato' Seri Kong Cho Ha, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Katanya, bagi memastikan OSC sentiasa berfungsi dengan berkesan, Kementerian akan meneruskan pelbagai langkah penambahbaikan selain daripada mengedarkan template yang seragam kepada PBT. Kementerian akan menganjurkan Lab OSC bagi mengkaji semula, menilai serta menimbangkan kaedah-kaedah terbaru dan kemas kini selaras dengan Gagasan

1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan *Ministry Key Result Area* (MKRA).

Jelasnya, walau apa pun masalah serta isu yang dihadapi oleh pihak OSC, sehingga 31 Disember 2009, sebanyak 91,163 permohonan pemajuan telah dikemukakan kepada OSC. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 59,665 ataupun 65.4% telah pun diluluskan manakala bakinya sebanyak 7172 ataupun 7.9% sedang dalam pertimbangan dan sebanyak 24,044 ataupun 26.4% lagi sama ada dibatal, diubahsuai dan ditolak. Pada tahun 2008, sebanyak 73.4% permohonan telah diluluskan dalam tempoh piagam pelanggan. Jumlah tersebut telah meningkat kepada 83.8% pada tahun 2009, iaitu peningkatan sebanyak 10.4%. Daripada 103 buah PBT di Semenanjung Malaysia yang telah melaksanakan OSC, sebanyak 64 buah PBT ataupun 62% telah berjaya menyelesaikan permohonan melebihi purata peratusan negara, iaitu 89.3%.

Tambahnya, Pembangunan OSC Online pada asasnya dibangunkan dengan peruntukan sebanyak RM 3.8 juta di bawah *Demonstrator Application Grant Scheme* (DAGS) di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi. Dengan kos yang wajar, sistem ini akan diperluaskan kepada semua PBT yang mempunyai OSC. Sistem *eSubmission* tersebut kini dikenali sebagai OSC Online. OSC Online dimulakan pada tahun 2008 secara perintis di 7 buah PBT, iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, Majlis

Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Majlis Perbandaran Kuantan dan Majlis Perbandaran Sungai Petani. Manakala fasa 2 yang melibatkan 18 buah PBT lagi telahpun dimulakan pada tahun 2009. Fasa seterusnya yang akan melibatkan lain-lain PBT akan dimulakan pada tahun 2010 ini.

Beliau berkata, OSC Online menyediakan platform kepada pemohon dan pihak yang memproses berkomunikasi dalam talian. Justeru beliau menaruh harapan yang tinggi agar seluruh warga kerja PBT khususnya yang terlibat dalam OSC Online telah bersedia sepenuhnya menerima perubahan ini supaya PBT terus relevan dengan kehendak semasa.

“Ia sekaligus boleh membantu meningkatkan kedudukan ataupun ranking Malaysia dalam *World Bank Competiveness Report* dan juga keyakinan pelabur asing untuk melabur di negara ini kerana semua urusan adalah cepat, mudah dan telus”, tambahnya lagi.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Kong Cho Ha. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Di keluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, Peti Surat 12579, 50782 Kuala Lumpur. Tel: +60320992321, Faks: +60320956523; Email: pro@kpkt.gov.my; Untuk keterangan lanjut sila hubungi Pn afifah ditalian 0122694963 atau emel afifah@kpkt.gov.my atau Encik Wan Shahrman di

talian mudah alih 0196902862 atau emelkan ke
zainal_shahriman@kpkt.gov.my